

## **TEMPOH KEMPEN**

Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) “**Kempen Penebusan Produk Hero**” (“Kempen”) akan bermula pada 24 November 2017 pada pukul jam 00:00:00 (12:00 pagi) dan tamat pada 11 Mac 2018 pada pukul jam 23:59:59 (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

## **TERM DAN SYARAT**

**Berikut adalah Terma dan Syarat yang ditetapkan untuk Kempen ini (“T&Cs”)**

## **KELAYAKAN**

1. Kempen ini hanya terbuka kepada pemegang kad utama Kad Kredit HLB yang sedia ada (“Pemegang Kad yang Layak”) daripada Kad Kredit Penyertaan HLB (seperti yang dinyatakan di bawah Klausa 2)
2. Kad Kredit Mata Ganjaran HLB berikut layak untuk menyertai Kempen ini (“Penyertaan Kad Kredit HLB”):
  - (i) Generic Classic/Gold/Platinum
  - (ii) GSC Gold/Platinum
  - (iii) Sutera Platinum
  - (iv) Signature
3. Pemegang Kad yang Layak berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
  - (i) Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/ Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh mana-mana bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas tempoh Kempen; atau
  - (ii) Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB untuk berpotensi melakukan apa-apa perbuatan salah yang dinyatakan di sini; hendaklah segera hilang kelayakan daripada menyertai Kempen ini.

## **KAEDAH KEMPEN**

4. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak hendaklah melakukan Pembelian Runcit minimum sebanyak RM1,000.00 (seperti yang ditakrifkan di bawah klausa 19) sempena Bulan Penyertaan masing-masing untuk menebus Produk Hero yang terpilih (seperti yang ditakrifkan di bawah fasal 5) dengan diskaun sehingga 50% dengan menggunakan mata ganjaran yang tersedia semasa Tempoh Penebusan yang dinyatakan seperti dalam jadual di bawah. Pemegang Kad yang Layak yang melakukan Pembelian Runcit minimum sebanyak RM1,000.00 sempena Bulan Penyertaan masing-masing dan menebus Produk Hero semasa Tempoh Penebusan yang dinyatakan dalam jadual di bawah akan dirujuk sebagai “Pemegang Kad yang Berjaya”

No.	Bulan Penyertaan	Pembelian Runcit Minimum dalam Bulan Penyertaan masing-masing (RM)	Tempoh Penebusan Produk Hero yang terpilih
1	Dari 24/11/2017 hingga 17/12/2017	1,000	Dari 18/12/2017 hingga 14/1/2018
2	Dari 18/12/2017 hingga 14/1/2018	1,000	Dari 15/1/2018 hingga 11/2/2018
3	Dari 15/1/2018 hingga 11/2/2018	1,000	Dari 12/2/2018 hingga 11/3/2018

5. "Produk Hero" bermaksud segala ganjaran atau produk yang tersedia untuk penebusan dalam Kempen ini adalah merangkumi barangan, pakej perjalanan dan apa-apa keistimewaan lain yang ditawarkan semasa Tempoh Kempen. Produk Hero akan dikemaskini dan diterbitkan dalam laman web HLB setiap minggu sempena Tempoh Penebusan. "Kod Produk" 2 digit angka yang digunakan untuk mengenal pasti setiap Produk Hero yang diterbitkan di laman web HLB pada setiap minggu sepanjang Tempoh Penebusan.
6. Untuk menebus Produk Hero, Pemegang Kad yang Layak dikehendaki menghantar Kod Produk dan 6 Nombor Kad Pengenalan yang terakhir melalui SMS kepada 66600 ("Nombor yang ditetapkan") dalam Tempoh Penebusan ("Penebusan SMS").

Masukan **S1** <jarak> **Kod Produk 2 digit** <jarak> **6 nombor Kad Pengenal yang terakhir** dan hantar ke **66600**

(Contoh: **S1 01 085810**)

7. Pengeluaran SMS berbilang oleh Pemegang Kad Layak tidak akan diproses oleh HLB.
8. Pemegang Kad yang Layak akan menerima satu pengesahan SMS ("Pengesahan SMS") bagi Pendaftaran SMS yang berjaya menghantar ke Nombor yang ditetapkan, tertakluk kepada trafik SMS di rangkaian Telco masing-masing. Pengesahan SMS ini dijana secara automatik untuk mengesahkan penerimaan Penebusan SMS yang dihantar dan TIDAK dianggap sebagai pengesahan bahawa Pemegang Kad Layak telah berjaya menebus Produk Hero, tertakluk kepada 6 digit nombor terakhir Kad Pengenalan yang bersepadan dengan Pemegang Kad Utama dan nombor telefon bimbit Pemegang Kad Utama yang direkodkan dalam sistem HLB.
9. Pemegang Kad yang Layak bertanggungjawab untuk:
  - a) Semak dan pastikan penyedia perkhidmatan telekomunikasi masing-masing ("Telcos") dapat menyokong penghantaran SMS ke Nombor yang ditetapkan semasa Tempoh Penebusan;
  - b) Bayar caj SMS standard yang dikenakan oleh Telcos masing-masing bagi setiap SMS yang dihantar di bawah Kempen ini ke nombor yang ditetapkan. Sekarang ini, Telcos yang mampu menyokong penghantaran SMS ke nombor yang ditetapkan ialah Celcom, Maxis, Digi dan uMobile. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab jika Telcos Pemegang Kad yang Layak tidak dapat menyokong penghantaran SMS ke nombor yang ditetapkan; dan
  - c) Memastikan butiran dalam Penebusan SMS yang dihantar ke nombor yang ditetapkan adalah tepat, lengkap. Jika gagal, proses Penebusan SMS oleh Pemegang Kad yang Layak tidak akan diproses..

9. HLB tidak akan bertanggungjawab dan akan terpelihara hak atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya tanpa memberikan apa-apa alasan untuk membatalkan kelayakan atas mana-mana Penebusan SMS yang tidak sah dengan apa-apa sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada Penebusan SMS yang duplikat, format Penebusan SMS yang tidak betul dan tidak berjaya atau kelewatan penghantaran SMS.
10. HLB tidak bertanggungjawab dan HLB tidak mempunyai apa-apa kawalan terhadap kesesakan lalu lintas SMS, kegagalan rangkaian dan/atau tergendala dan/atau kesesakan pada pihak Telco atau atas apa-apa sebab lain semasa pemprosesan menghantar SMS Penebusan ke nombor yang ditetapkan dan mungkin akan menyebabkan kelewatan penghantaran Penebusan SMS semasa Tempoh Penebusan.
11. Perkhidmatan SMS yang disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLB. Untuk isu berkaitan perkhidmatan SMS, sila hubungi talian Hotline M3Tech di 03-7957 6333 (9 pagi - 6 petang, Isnin - Jumaat).
12. Setiap Produk Hero dalam unit terhad dan tertakluk kepada ketersediaan stok dan akan diperuntuk berdasarkan siapa cepat, dia dapat.
13. Tertakluk kepada perbelanjaan Pembelian Runcit minimum RM1,000.00 dalam Bulan Penyertaan masing-masing, setiap Pemegang Kad yang Layak hanya berhak untuk menebus satu (1) unit Produk Hero pada setiap minggu dalam Tempoh Penebusan yang dinyatakan dalam jadual klausa 4 di atas.
14. Pemegang Kad yang Layak akan diberitahu melalui SMS mengenai status penebusan dalam masa 10 hari bekerja dari tarikh pengeluaran Penebusan SMS.
15. Produk Hero akan dihantar ke **alamat bil** Pemegang Kad yang berjaya antara empat (4) hingga enam (6) minggu dari 11 Mac 2018. Penghantaran Produk Hero kepada Pemegang Kad yang Berjaya akan dianggap selesai jika berjaya disampaikan ke alamat bil yang diberikan oleh Pemegang Kad yang berjaya dan seperti yang direkod oleh HLB.
16. Pemegang Kad yang berjaya yang gagal menerima Produk Hero dalam masa enam (6) minggu dari 11 Mac 2018 dianggap Produk Hero tersebut telah dilucutkan dengan sewajarnya. Sekiranya Pemegang Kad yang berjaya tidak menerima Produk Hero antara empat (4) hingga enam (6) minggu dari 11 Mac 2018, ia adalah tanggungjawab Pemegang Kad Berjaya untuk memberitahu pusat panggilan HLB selewat-lewatnya pada 21 April 2018. Jika gagal, HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa penerimaan Produk Hero. HLB tidak akan melayan apa-apa tuntutan atas gagal menerima Produk Hero oleh Pemegang Kad yang Berjaya selepas tamat tempoh enam (6) minggu dari 11 Mac 2018.
17. Setiap Pemegang Kad Berjaya bertanggungjawab untuk memberikan alamat bil terkini dan tepat kepada HLB. HLB tidak akan bertanggungjawab / dipertanggungjawabkan sekiranya HLB tidak dapat menyampaikan / menghantar Produk Hero kepada Pemegang Kad yang Berjaya, atas apa jua sebab.
18. Pemenuhan dan penyerahan Produk Hero akan disediakan oleh pengedar tunggal Produk Hero atau penyedia perkhidmatan pemenuhan disokong oleh HLB, PCM Perfect Marketing Sdn Bhd ("PCM"), boleh dihubungi di talian 03-6280 1212 atau Talian Mesra: 1300-80-0133 (dari jam 9.00 pagi hingga

5.30 petang, Isnin hingga Jumaat). Sebarang permintaan untuk menghantar Produk Hero ke alamat alternatif selain daripada alamat bil Pemegang Kad yang berjaya tidak akan dilayan.

19. "Pembelian Runcit" merujuk kepada urusanniaga pembelian yang dibuat di dalam dan di luar negara, termasuk urusanniaga dalam talian yang dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak HLB (prinsipal dan tambahan) semasa Tempoh Kempen tetapi tidak termasuk urusanniaga berikut:-
  - a) Transaksi tunai kuasi (contoh: urusanniaga pertaruhan dalam talian dan/atau transaksi permainan);
  - b) Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh HLB;
  - c) Arahan tetap/Perkhidmatan berulang dan servis pembayaran automatik;
  - d) Sebarang transaksi untuk pembayaran yang dilaksanakan melalui internet seperti Premium Insuran /Takaful, Bil Utiliti, Perkhidmatan Kerajaan dan Jompay;
  - e) Urusniaga untuk pembayaran yang dibuat ke atas Pesanan Mel dan Pesanan Telefon (MOTO); dan
  - f) Urus niaga Cash Advance/pendahuluan/deposit tunai, Call-For-Cash/Plus, Pindahan Baki, Pelan Pembayaran Flexi (FPP), pemindahan dana, pembalikan, yuran dan/atau caj yang dikenakan oleh HLB dan dimasukkan ke dalam Akaun Kad Kredit Pemegang Kad yang Layak.
20. Pengiraan Pembelian yang Layak hendaklah berdasarkan kepada transaksi Pembelian Runcit Pemegang Kad yang Layak yang dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kad Kredit Peserta HLB (prinsipal dan tambahan) dalam Tempoh Kempen.
21. Pengesanan Pembelian yang Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Malaysia) seperti yang direkod oleh rekod transaksi HLB semasa Tempoh Kempen.
22. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran Pembelian yang Layak oleh MasterCard, Visa, peruncit dalam talian dan/atau mana-mana pihak lain.
23. HLB tidak membuat perwakilan atau waranti berkenaan dengan kualiti Produk Hero dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan apa-apa Produk Hero yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan produk atau mutu kerja oleh pengeluar di bawah jaminan atau sebaliknya).
24. Pemegang Kad yang Layak hendaklah berurusan secara terus dengan pengeluar produk untuk mendapatkan maklumat waranti atau tuntutan tanpa bantuan daripada HLB.
25. Terma dan syarat pedagang dikenakan. Pedagang berhak untuk mengubah terma dan syarat pada bila-bila masa. Hong Leong Bank tidak mewakili atau membuat jaminan untuk produk yang ditawarkan oleh pedagang dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perubahan, tuntutan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Tawaran ini.

#### **UMUM**

26. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dan Pemegang Kad yang Berjaya:
  - a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma dan Syarat di sini;

- b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang ditangkap oleh sistem HLB untuk Kempen adalah tepat dan muktamad;
  - c) bersetuju bahawa keputusan HLB ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pemegang Kad Layak dan sebarang rayuan dan / atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
  - d) bersetuju bahawa, Produk Hero tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau dalam apa jua bentuk;
  - e) bersetuju untuk melayari ke [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (Laman Web HLB) semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan untuk memastikan maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat; dan;
  - f) bersetuju kepada HLB untuk mendedahkan butir-butirnya (iaitu nama, alamat, nombor telefon) kepada PCM dan M3Tech untuk tujuan memenuhi Kempen ini.
27. HLB berhak untuk:
- a) menentukan apa yang dianggap sebagai Pembelian yang Layak dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak dalam apa jua cara, kecuali kesilapan yang ternyata;
  - b) membatalkan kelayakan Pemegang Kad yang berlayak atas budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk menyertai Kempen ini;
  - c) Melucutkan mana-mana atau semua Produk Hero jika berlaku ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat di sini; dan
  - d) menambah, memadam atau membetulkan Terma & Syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, mengikut budi bicara mutlaknya ( "Variasi"), dengan cara menyiarkannya di Laman Web HLB, atau dalam apa-apa cara lain yang dianggapkan praktikal oleh HLB, untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad Layak pada Variasi seperti Kempen ini.
28. Terma & Syarat ini, Terma dan Syarat Umum di dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, Terma dan Syarat Katalog Hong Leong Club Rewards 2015–2018 dan apa-apa terma dan syarat HLB mungkin berbeza dari semasa ke semasa hendaklah dibaca bersama sebagai perjanjian keseluruhan dan jika terdapat apa-apa percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Umum di dalam Perjanjian Ahli Kad HLB itu, khususnya Terma & Syarat di dalam ini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
29. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat terakhir di Laman Web HLB akan diguna pakai.
30. Terma & Syarat di sini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.